

DATE: 08/08/2007

Syarah Tun Razak

Oleh MOHD. YAHYA MOHAMED ARIFFIN

UM- 9/8/2007

PADA bulan kemerdekaan ini, Universiti Malaya (UM) dengan kerjasama Majlis Kerusi Tun Razak, Universiti Ohio, Amerika Syarikat (AS) mengambil inisiatif menganjurkan Syarahan Tun Razak Ketujuh pada 9 Ogos (Khamis ini), bertempat di Dewan Tunku Canselor.

Syarah kali ini akan menyentuh isu orientalis dan oksidentalisme yang melibatkan Barat dan Islam. Profesor Dr. Carl

W. Ernst dari Universiti of North Carolina, AS yang dijemput oleh penganjur memilih *The West and Islam: Rethinking Orientalism and Occidentalism* sebagai tajuk syarahannya.

Ernst adalah pakar dalam pengajian Islam khususnya mengenai Barat dan Asia Selatan. Beliau kini merupakan pemegang Kerusi Profesor William R. Kenan, Jr., dan Pengarah Carolina Center for the Study of the Middle East and Muslim Civilizations di universiti itu.

Menariknya, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Razak sangat meminati isu dan kajian berkaitan oksidentalisme, maka beliau akan hadir mempengerusikan kuliah itu.

Syarah itu adalah salah satu aktiviti Majlis Kerusi Tun Razak. Ahli-ahli majlisnya terdiri daripada tokoh akademik tempatan yang dilantik menduduki kerusi itu bertempat di Universiti Ohio Athens, AS. Kerusi itu diwujudkan oleh kerajaan sebagai mengingati sumbangan besar Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein kepada pembangunan negara.

Menurut Koordinator Majlis Kerusi Tun Razak, Profesor Emeritus Datuk Abu Bakar Hamid, penubuhannya merupakan satu usaha menjalin kerjasama dalam bidang pendidikan antara kerajaan Malaysia dengan AS. Kerusi itu dibiayai tiga pihak, iaitu kerajaan Malaysia, Universiti Ohio dan syarikat-syarikat AS yang beroperasi di Malaysia.

Sejak ditubuhkan pada 1979, 12 profesor negara ini diberi penghormatan oleh kerajaan Malaysia menduduki kerusi itu. Abu Bakar berkata, penyandang kerusi itu ditempatkan di Center for International Studies, Universiti Ohio dengan tugas utama mengajar dan membuat penyelidikan mengenai Malaysia.

Katanya, Profesor Kerusi Tun Razak dianggap sebagai duta akademik oleh pihak AS dan diberi peruntukan untuk melawat dan memberi ceramah di seluruh negara itu.

Penyandang Kerusi Tun Razak juga ditugaskan menganjurkan Persidangan Tun Razak yang lazimnya diadakan di AS. Bagaimanapun pada 2003, buat julung kali ia diadakan di Kuala Lumpur. Penubuhan Kerusi Tun Razak dilihat cara mengembangkan pengajian tentang Malaysia termasuk agama Islam melalui akademik supaya masyarakat pelajar dan ahli akademik luar negara dapat mengenali negara ini yang bakal menyambut kemerdekaan ke-50 tahun ini.



MOHD. YAHYA MOHAMED ARIFFIN
ialah Pensyarah Kanan di Jabatan
Pengajian Media, Universiti Malaya.